

# Keberkesanan Kaedah Main Peranan dalam Penguasaan Kemahiran Bertutur Subjek Bahasa Inggeris Pelajar Tingkatan 2 di Sebuah Sekolah di Daerah Asajaya/Sadong Jaya

*(Effectiveness of Role Playing in the Mastery of Speaking Skills in English Subject for 2nd Grade Student at a School in Asajaya/Sadong Jaya District)*

Abg. Ashmirul Abg. Abu Nawas<sup>1\*</sup>, Aida Hanim A. Hamid<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p112377@siswa.ukm.edu.my](mailto:p112377@siswa.ukm.edu.my)

Accepted: 15 March 2023 | Published: 31 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.31>

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mengenalpasti keberkesanan kaedah main peranan terhadap pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur Bahasa Inggeris. Kajian ini turut bertujuan mengenalpasti kesan kaedah main peranan terhadap motivasi pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini menggunakan rekabentuk kuasi-eksperimen. Sampel kajian terdiri daripada 63 orang pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan 2 yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan di salah sebuah sekolah di daerah Asajaya/Sadong Jaya. Pengumpulan data dilakukan melalui Ujian Bertutur Bahasa Inggeris pra dan pasca kajian, temubual pra dan pasca kajian dan borang pemerhatian. Markah Ujian Bertutur Bahasa Inggeris pra dan pasca kajian dianalisis secara diskriptif bagi mendapatkan min dan sisihan piawai seterusnya membuat perbandingan antara pra dan pasca kajian. Dapatan temubual dan borang pemerhatian pula dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian markah pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan. Selain itu, berdasarkan dapatan daripada temubual pasca kajian dan borang pemerhatian, didapati bahawa kaedah main peranan dapat meningkatkan motivasi murid-murid untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Melalui hasil kajian ini, guru-guru boleh mengaplikasikan kaedah main peranan untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam subjek bahasa.

**Kata kunci:** keberkesanan, main peranan, role-play, bahasa Inggeris, pendekatan komunikatif

**Abstract:** This study aims to identify the effectiveness of the role play method on student achievement in English speaking skills. This study also aims to identify the effect of the role play method on student motivation to speak English. This study applies a quasi-experimental design on 63 male and female Form 2 students who were selected using the purposive sampling method to one of the schools in the Asajaya/Sadong Jaya district. Data collection was done through pre and post study English Speaking Tests, pre and post study interviews and observation forms. English Speaking Test scores before and after the study were analyzed descriptively to obtain the mean and standard deviation and then to be compared between the pre and post study. The results of the interviews and observation forms were analyzed using the content analysis method. Finding shows that there is a significant difference between the achievement of experimental group students and control group students. In addition, based on

*the findings from the post-study interview and observation form, it was found that the role play method can increase students' motivation to speak in English. Through the results of this study, teachers can apply role playing methods to improve speaking skills in language subjects.*

**Keywords:** effectiveness, role-play, English subject, communicative approach

---

## 1. Pendahuluan

Dalam menyediakan pelajar untuk berupaya berkomunikasi dengan efektif dan berkesan dalam kalangan masyarakat, penguasaan kemahiran bertutur adalah satu keperluan (Isnaini, 2018). Hal ini kerana, penguasaan kemahiran bertutur yang baik akan membolehkan pelajar berkomunikasi dengan berkesan dalam pelbagai konteks hidup lapangan kehidupan harian. Pelajar yang mempunyai penguasaan kemahiran bertutur yang baik mampu menggunakan kaedah pertuturan yang berbeza dalam pelbagai konteks perbualan. Malah, kemahiran ini akan menjadi satu kelebihan buat mereka terutamanya didalam bidang pekerjaan yang menuntut seseorang untuk berkomunikasi dalam konteks yang lebih luas (Nurul & Nooreiny, 2018). Oleh itu, tidak hairanlah bahawa kemahiran bertutur amatlah dituntut untuk dikuasai dalam kalangan pelajar di Malaysia (Nur Anis Hidayah & Abdul Malim, 2020).

Kemahiran bertutur merupakan satu kemahiran yang produktif di mana seseorang berkomunikasi menggunakan bahasa (Ana, Mulyadi, & Novia, 2020). Berdasarkan pernyataan ini, dapat dilihat bahawa kemahiran bertutur menuntut seseorang untuk mempunyai penguasaan bahasa yang baik supaya boleh melakukannya. Dewa, I, dan Retnyi (2019) menyatakan bahawa kemahiran bertutur melibatkan kemampuan mengeluarkan bunyi khas sesuatu bahasa dengan jelas menggunakan penekanan, pola ritma dan pola intonasi dengan cara yang baik, menggunakan kosa kata yang tepat dan menggabungkan kosa kata dengan tepat. Penguasaan bahasa yang baik membolehkan seseorang menggunakan ilmu yang ada untuk berinteraksi dengan pihak lain dengan lebih berkesan. Hal ini kerana kemahiran bertutur adalah suatu proses komunikasi antara dua atau lebih pihak yang bertujuan untuk memberi makna kepada proses menerima dan memproses maklumat (Ana, Mulyadi, & Novia, 2020). Kemahiran bercakap merupakan salah satu kemahiran yang dititikberatkan di dalam pembelajaran bahasa. Hal ini kerana, kemahiran ini merupakan kemahiran yang paling digunapakai dalam kehidupan harian berbanding kemahiran-kemahiran lain (menulis, mendengar, membaca) (Muhammad, 2017). Dalam erti kata lain, penggunaan kemahiran bercakap adalah lebih holistik dan menyeluruh dalam kehidupan harian berbanding kemahiran-kemahiran lain yang diajar di dalam pembelajaran bahasa.

Didalam pengajaran subjek bahasa, satu kaedah berbentuk komunikatif perlulah diaplikasikan terutamanya dalam meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana salah satu komponen penting dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran abad ke-21 adalah dengan adanya satu suasana yang komunikatif bagi menghasilkan satu impak pembelajaran yang signifikan dalam kalangan pelajar (Nur Anis Hidayah & Abdul Malim, 2020). Suasana yang komunikatif ini mampu menyediakan ruang dan peluang untuk pelajar menggunakan bahasa yang dipelajari secara lisan di dalam pembelajaran mereka. Malah, suasana pembelajaran di dalam kelas yang interaktif juga mampu menghasilkan satu keadaan yang kondusif untuk pelajar berdialog antara satu sama lain seterusnya menjadi mekanisme pemangkin untuk memupuk motivasi dalam mempelajari dan meningkatkan kemahiran bertutur (Mohd et al., 2019).